



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my/

Tel. :
Bil. 088-252692
Tarikh KEW500-13/3 Klt. 2
15 Januari 2010

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri
Semua presiden Majlis Perbandaran
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah

SURAT PEKELIING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 2/2010 PINDAAN HAD KELAYAKAN SKIM PINJAMAN KENDERAAN UNTUK PEGAWAI- PEGAWAI DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH TERMASUK BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan had kelayakan skim pinjaman kenderaan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sabah termasuk Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

088-252692
KEW500-13/3 Klt. 2
15 Januari 2010

- 2 -

2. PINDAAN HAD KELAYAKAN PINJAMAN

2.1. Had kelayakan pinjaman kenderaan mengikut perenggan 4.1 Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 4/1997 bertarikh 8 Julai 1997 dan surat pekeliing Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 2/1999 bertarikh 01 Mac 1999 adalah dengan ini dipinda seperti berikut:-

Untuk membeli kereta/van/kenderaan pacuan 4 roda
Motosikal/Motor Sangkut/Perahu/Basikal

	Had Kelayakan
(a) Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama C ke atas	RM75,000.00
(b) Pegawai Kumpulan Pengurusan Gred 48 ke atas	RM65,000.00
(c) Pegawai Kumpulan Pengurusan Profesional Gred 41 ke atas	RM55,000.00
(d) Pegawai Kumpulan Sokongan Gred 22 ke atas	RM45,000.00
(e) Pegawai Kumpulan Sokongan Gred 17 ke atas (kelulusan khas bagi gaji pokok kurang dari RM1,660.00 sebulan)	RM45,000.00
(f) Untuk membeli motosikal	RM7,500.00
(g) Untuk membeli Enjin Motor Sangkut	RM5,300.00
(h) Untuk membeli Perahu	RM1,500.00
(i) Untuk membeli Basikal	RM700.00

2.2 Syarat kelayakan pinjaman mengikut perenggan 5.2 surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 4/1997 adalah dipinda seperti berikut:-

Bagi membeli kenderaan seperti ditetapkan dalam perenggan 2.1:-

- (i) Pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama C ke atas dan pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional;
- (ii) Pegawai-pegawai dalam Kumpulan Sokongan Gred 22 dan ke atas;
- (iii) Bagi Pegawai-pegawai dalam Kumpulan Sokongan Gred 17 bergaji pokok kurang dari RM1,660.00 sebulan boleh diberi pertimbangan untuk mendapat kemudahan pinjaman kenderaan tetapi tertakluk kepada ketua Jabatan memperakukan bahawa:-
 - (a) Pegawai berkenaan tidak dapat menjalankan tugas rasminya dengan cekap dan sempurna setiap hari tanpa menggunakan sebuah kenderaan sendiri. Satu senarai lengkap mengenai tugas-tugas rasmi pegawai berkenaan perlu disertakan yang menunjukkan kenderaan adalah diperlukan dalam urusan rasminya.
 - (b) Jumlah perjalanan atas tugas rasmi adalah melebihi dari 200 km tiap-tiap bulan bagi tempoh 3 bulan berturut-turut. Perakuan ini hendaklah disokong dengan salinan hitungan kilometer yang telah dituntut atau dengan senarai tempat perjalanan rasmi yang akan dibuat mengikut arahan ketua Jabatan.
 - (c) Pegawai berkenaan tidak terlibat dengan hutang berat iaitu potongan gaji bulanannya untuk membayar pinjaman peribadi, perumahan, kereta, komputer dan lain-lain tidak melebihi 50% daripada gaji kasarnya.

3. SYARAT-SYARAT PINJAMAN

Pinjaman dan bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar balik dengan jumlah yang sama setiap bulan mengikut tempoh bayaran yang telah ditetapkan seperti berikut:-

- (a) Bagi kereta baru tidak melebihi 108 bulan.
- (b) Bagi kereta yang sudah terpakai tidak melebihi 60 bulan.
- (c) Pinjaman boleh digunakan untuk membiayai pembelian semua jenis kenderaan seperti dalam perenggan 2.1 dan tidak lagi tertakluk kepada kenderaan buatan Malaysia sahaja.

4. PENYELENGGARAAN AKAUN

Permohonan dari anggota perkhidmatan awam/ agensi yang tidak mengemukakan Penyesuaian Akaun Amanah Pinjaman Kenderaan, Akaun Pendahuluan Diri, Akaun Deposit, Akaun Belanjawan dan hasil serta jabatan yang mempunyai kes-kes Pinjaman Kenderaan yang terbengkalai tidak akan dipertimbangkan walaupun secara individu anggota berkenaan memenuhi syarat untuk pinjaman kenderaan ini.

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada 02 Februari 2010.
- 5.2 Syarat-syarat lain yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 4/1997 dan Bil. 2/1999 adalah tidak berubah.

Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH '

' JIMAT DAN PRODUKTIF '



(YUSOFF BIN DATUK HJ. MOHD. KASSIM, PGDK)
Setiausaha Tetap